



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI**  
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

## **SIARAN MEDIA**

### **SUMBANGAN PKS KEPADA EKONOMI MALAYSIA TERUS BERKEMBANG PADA TAHUN 2019**

---

**Kuala Lumpur, 3 Ogos 2020** – Sumbangan PKS kepada ekonomi dari segi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), eksport dan guna tenaga terus berkembang pada tahun 2019 meskipun persekitaran dalam negeri dan global adalah mencabar. Hal ini telah membuktikan peranan PKS sebagai tonggak ekonomi Malaysia yang penting, menyediakan peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi.

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 29 Julai 2020, sumbangan PKS kepada keseluruhan KDNK telah meningkat kepada 38.9% pada tahun 2019 berbanding 38.3% yang dicatatkan pada tahun 2018. Dari segi nilai, KDNK PKS pada harga malar tahun 2015 adalah sebanyak RM552.3 bilion berbanding jumlah keseluruhan KDNK sebanyak RM1,421.5 bilion. Justeru, ini mencerminkan pertumbuhan KDNK PKS sebanyak 5.8% pada tahun 2019, dipacu oleh sektor perkhidmatan yang mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.4%. Momentum pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan disokong oleh subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan yang mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 7.7% pada tahun 2019 (2018: 7.5%) serta perkembangan yang stabil dalam subsektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan berikutan perbelanjaan isi rumah yang kukuh. Pertumbuhan PKS terus mengatasi pertumbuhan KDNK keseluruhan sejak tahun 2004.

Pada tahun 2019, sumbangan PKS kepada jumlah eksport meningkat kepada 17.9% daripada 17.3% pada tahun 2018. PKS terus mencatatkan pertumbuhan eksport yang positif iaitu sebanyak 2.6% pada tahun semasa (2018: 3.4%), disokong oleh perkembangan yang berterusan dalam sektor perkhidmatan terutamanya industri berasaskan pelancongan dan lain-lain perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, perniagaan bukan PKS adalah lebih terjejas dengan kemerosotan sebanyak 1.4%, penurunan pertama sejak tahun 2013. Pertumbuhan eksport yang lebih perlahan pada

tahun 2019 disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan ekonomi global dan perdagangan antarabangsa yang lebih lemah selain pelbagai ketidakpastian yang menjelaskan sentimen perniagaan firma dalam negeri dan berorientasikan eksport.

Pada tahun 2019, PKS menggaji seramai 7.3 juta pekerja, peningkatan sebanyak 3.0% dari tahun sebelumnya dengan menyumbang 48.4% kepada guna tenaga negara (2018: 48.0%). Pengambilan pekerja adalah paling tinggi dalam sektor perkhidmatan iaitu sebanyak 63.2% daripada jumlah guna tenaga PKS, terutamanya dalam subsektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Guna tenaga PKS juga dijana oleh sektor pembuatan (16.3%) diikuti oleh pertanian (10.6%), pembinaan (9.7%) dan perlombongan & pengkuarian (0.3%). Bahagian peratusan guna tenaga PKS telah disemak semula berdasarkan perubahan metodologi yang sebelum ini tidak mengambil kira Kerajaan, sektor informal tidak termasuk sektor pertanian, perniagaan yang tidak berdaftar dalam sektor pertanian dan aktiviti penyumberan luar, dalam pengiraan penyebut (*denominator*) bagi guna tenaga PKS. Sementara itu, produktiviti pekerja PKS yang diukur oleh nilai ditambah benar bagi setiap pekerja meningkat daripada RM73,449 pada tahun 2018 kepada RM75,457 pada tahun 2019 dengan pertumbuhan sebanyak 2.7% (2018: 2.9%). Pertumbuhan produktiviti PKS dalam kesemua sektor ekonomi bertambah baik sepanjang tahun dengan sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan produktiviti paling tinggi sebanyak 3.7%. Tambahan lagi, sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan produktiviti yang positif iaitu sebanyak 0.6% pada tahun 2019, peningkatan semula daripada kemerosotan sebanyak 0.3% pada tahun 2018. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengguna pakai teknologi moden dan inovasi secara lebih agresif bagi meningkatkan produktiviti PKS.

Melangkah ke hadapan, kesan ekonomi berikutan wabak Covid-19 yang tidak pernah dialami sebelum ini dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semestinya akan memberi impak kepada prestasi PKS pada tahun 2020. Bank Negara Malaysia (BNM) telah menyemak semula dengan menurunkan unjuran pertumbuhan KDNK untuk Malaysia antara -2.0% hingga 0.5% pada tahun 2020. Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh SME Corp. Malaysia, kira-kira 73% PKS dijangka mengalami kerugian pada tahun 2020. Justeru, cabarannya sekarang terletak pada kepantasan dan ketangkasan PKS di Malaysia untuk mengguna pakai strategi yang berbeza untuk kekal bertahan dalam kebiasaan baharu dengan mengguna pakai digitalisasi dalam operasi perniagaan mereka, membangunkan pelan kelangsungan perniagaan serta bekerjasama rapat dengan institusi kewangan untuk menguruskan kedudukan aliran tunai. Pengumuman pakej stimulus Prihatin dan baru-baru ini Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) mencerminkan usaha Kerajaan untuk menyokong PKS dalam memulakan semula perniagaan dan menuju ke arah pemulihan. Di bawah PENJANA, sejumlah RM35 bilion telah diperuntukkan merangkumi 40 inisiatif, iaitu 24 inisiatif dengan peruntukan sebanyak RM14.5 bilion akan memberi kesan secara langsung kepada PKS. Antara inisiatif utama yang telah diperkenalkan adalah bantuan kewangan,

tempoh moratorium bagi meringankan tekanan terhadap aliran tunai, insentif cukai dan Program Subsidi Upah yang telah membantu untuk mengurangkan impak negatif dan memberi sokongan kepada pertumbuhan PKS.

**Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

- Tamat -

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Puan Nur Suhada Ahad (03-27756264) atau emel [nursuhada@smecorp.gov.my](mailto:nursuhada@smecorp.gov.my) atau Cik Alida Adam (03-27756292) atau emel [alida@smecorp.gov.my](mailto:alida@smecorp.gov.my)